

02/05/2003

MIC berikrar sokong kepimpinan Pak Lah

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: MIC berikrar bahawa kesinambungan sokongan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan tergugat apabila Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih Oktober ini.

Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Abdullah sudah membuktikan kemampuannya untuk menangani sebarang kemelut yang dihadapi negara sejak menjadi timbalan perdana menteri dan yakin Malaysia akan terus bertambah maju berdasarkan agenda pembangunan yang dirancang kerajaan.

"Peralihan kuasa secara terancang ini membuktikan bahawa perpaduan di bawah payung Barisan Nasional (BN) yang memerintah negara sejak merdeka adalah satu-satunya kaedah terbaik bagi mentadbir sebuah negara bermasyarakat majmuk.

"Keprihatinan kerajaan terhadap kepentingan serta kebajikan kaum lain menjadi faktor utama rakyat semakin yakin dengan kepimpinan BN dan terus menyokong pucuk pimpinan yang baru kerana agenda pembangunan yang dirancang tidak bersifat pilih kasih dan menguntungkan semua pihak.

"Perpaduan ini amat penting bagi BN menangkis dakwah pembangkang yang semakin hebat akhir-akhir ini, didorong kemungkinan pilihan raya umum akan

diadakan pada bila-bila masa," katanya ketika berucap pada Konvensyen Badan Perhubungan MIC Wilayah Persekutuan Ke-57, di sini semalam.

Konvensyen itu dirasmikan Abdullah manakala Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, adalah Pengerusi MIC Wilayah Persekutuan.

Samy Vellu berkata, masyarakat India amat berterima kasih kepada Abdullah selaku Menteri Dalam Negeri, kerana meluluskan pengambilan pekerja asing bagi sektor perniagaan tradisi kaum India seperti restoran, besi buruk, juru gaya rambut, tekstil dan barangan kemas.

Beliau juga mengalu-alukan tindakan Abdullah, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Gejala Sosial mengumumkan peruntukan RM20 juta bagi menangani masalah sosial masyarakat India.

Samy Vellu berkata, beliau bersyukur kepada kerajaan kerana tidak mengabaikan masyarakat India dalam merencana pembangunan ibu negara dengan

mengisytiharkan Lebu Ampang sebagai 'Little India' dan menakrifkan kawasan di Kampung Pandan sebagai penempatan masyarakat India.

Pada masa yang sama, beliau juga meminta kerajaan, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya mempertimbangkan permohonan meluluskan pembinaan rumah ibadat baru serta penyediaan tanah perkuburan seperti yang dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekarang.

Samy Vellu juga mencadangkan supaya usaha lebih menyeluruh dilakukan bagi membantu ibu tunggal kerana bilangan mereka semakin bertambah di mana

hampir 530 keluarga atau 13.8 peratus daripada 3,847 keluarga diketuai ibu tunggal.

